

# Jangan harap bantuan politik

UM-13/6/2007.

Oleh NORZIE MOHD. KHASBI

**KUALA LUMPUR** - Kementerian Belia dan Sukan tidak akan menyalurkan 'bantuan politik' kepada persatuan sukan, iaitu memberi bantuan kerana pengaruh yang ada pada pemimpin mereka.

Malah menterinya, Datuk Seri Azalina Othman Said membidas sikap sesetengah persatuan yang memilih presiden bukan kerana komitmen mereka tetapi kerana kedudukan dan jawatan, termasuk di kalangan orang politik.

Tegasnya, tidak salah memilih pemimpin di kalangan orang yang berpengaruh tetapi biarlah pengaruh itu digunakan untuk memberi manfaat kepada persatuan, terutama dalam mencari sumber kewangan dan penajaan.

"Jangan pilih pemimpin kerana jawatan mereka, tetapi pilihlah yang mampu memberikan komitmen kepada sukan.

"Ada sesetengah persatuan pilih orang berpengaruh sebagai presiden, ada yang di kalangan orang politik tetapi kemudian datang kepada kementerian minta pelbagai bantuan, jadi buat apa ada pengaruh kalau tidak digunakan.

"Saya ingin menegaskan bahawa Kementerian Belia dan Sukan tidak memberi bantuan kerana politik, tetapi bantuan diberi kerana prestasi yang sukan tersebut," kata Azalina pada sidang akhbar Seminar Kajian Dasar Sukan Negara di Sri Kembangan, semalam.

Azalina juga membidas sikap sesetengah persatuan sukan yang terlalu bergantung kepada bantuan kerajaan dan tiada inisiatif dalam mencari sumber kewangan.

Katanya, budaya subsidi ini harus dihapuskan, apatah lagi persatuan mempunyai banyak sukan yang perlu diberi tumpuan,

## TERIAN BELIA DAN SUKAN AR KAJIAN SEMULA AR SUKAN NEGARA

DIRASMIKAN OLEH  
ERI AZALINA DATO OTHMAN SAID  
ENTERI BELIA DAN SUKAN  
PA  
12 JUN



**AZALINA** Othman Said berucap ketika merasmikan Seminar Kajian Semula Dasar Sukan Negara di Kuala Lumpur, semalam.

dan keutamaan adalah untuk tujuan pembangunan.

Tegasnya lagi, jika sikap bergantung ini tidak diubah, apa akan berlaku kepada sukan terbabit andai ditakdirkan kerajaan tidak memiliki sumber kewangan mencukupi untuk membiayai sukan di masa akan datang.

Sementara itu dalam perkembangan berkaitan, Azalina percaya, sukan Malaysia sudah bersedia menerima perubahan dengan penggubalan dasar sukannya mengikut keperluan semasa.

Selepas 19 tahun mengguna pakai Dasar Sukan yang digubal pada 1988, ia mungkin memerlukan perubahan pendekatan sejajar dengan peredaran zaman.

Justeru, seminar sehari yang dihadiri semua komuniti sukan tanah air semalam penting dalam merangka resolusi bagi mengkaji atau meminda Dasar Sukan sedia ada, dan resolusi yang dicapai akan dibawa kepada Jawatankuasa Kabinet Sukan yang akan bermesyuarat, bulan depan.

"Seminar ini akan membincangkan ten-

tang keberkesanan Dasar Sukan Negara sepanjang tempoh 19 tahun, ia seperti rebiu dan kemudian mencari apakah ada keperluan untuk dipinda atau ditambah.

"Saya harap setiap peserta ikhlas dalam memberikan pandangan sepanjang seminar ini kerana ia penting bagi mencapai keputusan yang lebih berkesan," katanya.

Turut hadir pada seminar semalam adalah Presiden Majlis Olimpik Malaysia (MOM), Tan Sri Tunku Imran Tuanku Ja'afar dan Ketua Pengarah Majlis Sukan Negara (MSN), Datuk Zolkples Embong.